

KUALA LUMPUR, 23 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MESTI SENTIASA MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA KEMAJUAN ATAU KEMUNDURAN SESEBUAH NEGARA BANYAK BERGANTUNG KEPADA PENTADBIRAN YANG CEKAP.

OLEH ITU, KATA BELIAU, MEREKA HENDAKLAH MEMBERI PERKHIDMATAN YANG SEBAIK MUNGKIN SUPAYA MASING-MASING DAPAT BERBANGGA DENGAN SUMBANGAN MEMBAWA NEGARA KE ARAH TAHAP KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI.

+TANPA PENTADBIRAN YANG BAIK, ADALAH MUSTAHIL SESEBUAH NEGARA ITU BOLEH MAJU WALAUPUN KAYA DAN RAKYATNYA PANDAI-PANDAI BELAKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN KEPADA PARA PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI TERMASUK TENTERA DAN POLIS SEBELUM MENGADAKAN DIALOG TERTUTUP DENGAN MEREKA MENGENAI PENTADBIRAN DAN DASAR-DASAR KERAJAAN DI SINI

DIALOG ANJURAN JABATAN PERDANA MENTERI DAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) BERTUJUAN MEMBERI PELUANG KEPADA PERDANA MENTERI UNTUK MENETAPKAN HALA TUJUAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM UNTUK TAHUN SEMASA SELAIN MENJELASKAN MAKSUD DAN PEMIKIRAN DI SEBALIK DASAR-DASAR YANG DITETAPKAN. - LAGI.

1213MST 23 01 88

D489

U 0076 DEB
MAHATHIR - PEGAWAI 2 KUALA LUMPUR

MAJLIS ITU JUGA BERTUJUAN MEMBOLEHKAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN PARA PEGAWAI TINGGI PERKHIDMATAN AWAM BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT MENGENAI CARA UNTUK MEMPERBAIKI PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED, KETUA POLIS NEGARA, TAN SRI HANIFF OMAR, DAN KETUA-KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA ADALAH TIDAK BERGUNA BAGI SATU PIHAK MENYALAHKAN YANG LAIN DALAM USAHA MEMAJUKAN NEGARA IAITU SEPERTI ANTARA KAKITANGAN AWAM DENGAN AHLI POLITIK DAN KESATUAN DENGAN MAJIKAN.

DALAM USAHA MENCAPAI MATLAMAT MEMBANGUNKAN NEGARA, TIADA SIAPA YANG DAPAT MEMBERIKAN SATU PENDEKATAN YANG MUSTAJAB, KATANYA.

YANG PENTING IALAH SETIAP ORANG MESTI MELAKUKAN SETIAP YANG BERUPAYA DILAKUKAN KE ARAH KEMAJUAN NEGARA, TEGASNYA. -- LAGI
1215MST 23 01 88

D496

U 0082 DEB
MAHATHIR - PEGAWAI 3 KUALA LUMPUR

+SETIAP ORANG MESTI BERTANYA KEPADA DIRI 'APAKAH YANG SUDAH DISUMBANGKAN KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT NEGARA SUPAYA KITA TIDAK MENYALAHKAN ORANG LAIN,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERHARAP PARA PEGAWAI TINGGI KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI SIKAP +APA LAGI YANG MAHU KITA BUAT+ KERANA SETIAP PEGAWAI TINGGI MEMPUNYAI POTENSI YANG, JIKA DIGUNAKAN SEPENUHNYA, DAPAT MENGHASILKAN KEJAYAAN YANG LEBIH TINGGI.

KATANYA, DALAM TEMPOH 30 TAHUN NEGARA MERDEKA, TAHAP PEMBANGUNAN YANG DICAPAI ADALAH JAUH LEBIH TINGGI BERBANDING TEMPOH BERATUS TAHUN NEGARA DITADBIR PENJAJAH.

INI BERMAKNA MALAYSIA BERJAYA MENGUASAI SISTEM PENTADBIRAN AWAM DI BAWAH SISTEM PEMERINTAHAN DEMOKRASI YANG JAUH LEBIH RUMIT DARIPADA KEADAAN SEMASA PENJAJAHAN KERANA PERLU MENGAMBILKIRA REAKSI DAN PANDANGAN RAKYAT, KATANYA.

KEJAYAAN INI ADALAH SESUATU YANG BOLEH DIBANGGAKAN TETAPI PENCAPAIAN INI PERLU DIPERTINGKATKAN. -- LAGI

1229MST 23 01 88

D515

U 8083 DEB
MAHATHIR - PEGAWAI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENJELASKAN LAGI DASAR-DASAR KERAJAAN TERMASUK PENSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA SERTA SLOGAN-SLOGAN YANG DIPERKENALKAN UNTUK MEMPERBAIKI PERKHIDMATAN AWAM.

MENGENAI PENSWASTAAN, BELIAU BERKATA DASAR ITU DISALAH TANGGAP SEBAGAI SEMATA-MATA BERTUJUAN MENJUAL HARTA KERAJAAN KEPADA SEKTOR SWASTA, LANTARAN PENJUALAN HARUS DIBUAT MENGIKUT NILAI HARTA ITU SUPAYA KERAJAAN TIDAK KERUGIAN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SETIAP HARTA ATAU PERKHIDMATAN YANG DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA MENGAMBIL KIRA KEUNTUNGAN YANG AKAN DIPEROLEHI OLEH SEKTOR ITU DAN PADA MASA SAMA, KERAJAAN TIDAK PERLU MENANGGUNG PERBELANJAAN GAJI DAN PERBELANJAAN YANG LAIN.

KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH SWASTA MELALUI PENGURUSAN YANG LEBIH CEKAP TERHADAP PERKHIDMATAN ATAU HARTA YANG DIAMBIL ALIH JUGA BERMAKNA KEUNTUNGAN UNTUK KERAJAAN IAITU DARIPADA SEGI KUTIPAN CUKAI, TAMBAHNYA.

DASAR PENSWASTAAN DILAKSANAKAN BUKAN HANYA DI SINI MALAH DI NEGARA-NEGARA LAIN, JELASNYA. MALAH DI BRITAIN, ENAM LAPANGAN TERBANG YANG DISWASTAKAN DINILAI DARIPADA SEGI KEUNTUNGAN YANG AKAN DIPEROLEHI OLEH SWASTA DAN BUKAN BERDASARKAN NILAI HARTA-HARTA ITU, TAMBAHNYA. - LAGI.

1350MST 23 01 88

D516

U 8084 DEB
MAHATHIR - PEGAWAI 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERSYARIKATAN MALAYSIA, BELIAU BERKATA KONSEP ITU BUKAN SEMATA-MATA BERTUJUAN MEMPERKAYAKAN SEKTOR SWASTA TETAPI JUGA UNTUK MENDORONG PARA PEGAWAI KERAJAAN MENGAMALKAN PEMIKIRAN TERBUKA IAITU SEKIRANYA SEKTOR SWASTA MAJU, RAKYAT JUGA AKAN MENIKMATI FAEDAH MENERUSI CUKAI YANG DIKUTIP OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBIAYAI PEMBANGUNAN. - BERNAMA.

1350MST 23 01 88